



**MURNIZAM (tiga kiri) dan Hallun (3 kanan) menyanyikan Lagu Wilayah Persekutuan sempena Taklimat Perdana GST di UMS Labuan, Khamis lalu.**

## **UMSKAL dan Kastam Labuan anjur Taklimat Perdana GST**

**UB 19.12.2014 B13**

**LABUAN:** Hampir 200 peserta telah menghadiri Taklimat Perdana Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di Podium D, Bangunan Menara UMS Labuan, kelmarin.

Mereka terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi kerajaan termasuk kakitangan, pensyarah dan

pelajar UMS Labuan.

Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik menyempurnakan majlis perasmian program anjuran bersama UMS Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Wilayah

Persekutuan Labuan itu.

Turut hadir Penolong Kanan Pengarah Kastam 2 yang juga Ketua Bahagian GST Hallun Haji Mutualib dan Timbalan Pendaftar UMSKAL Zamri Mohamad Tuah serta Ketua Bahagian Kewangan UMSKAL Mohd Nazir Abd Manan.

Taklimat hampir dua jam itu disampaikan oleh Penolong Pengarah Bahagian GST Hasney Haji Yahya dan Penguasa Kastam Bahagian GST Gaven Werjerlun.

Turut diadakan pameran GST di ruang legar Bangunan Menara UMS Labuan.

GST akan dilaksanakan mulai April 2015.



**SEBAHAGIAN peserta yang menghadiri Taklimat Perdana GST di UMSKAL Kampung Antarabangsa Labuan.**